

Massutra bertugas jayakan seni reka, sukan tradisional

WARISAN KITA DIMAJUKAN

PERMAINAN tradisional dan juga hasil seni reka kerajinan tangan masyarakat Melayu di negara ini dijangka dapat berkembang dengan lebih tersusun dan rancak dalam beberapa tahun akan datang.

Selain rancangan penggalakan yang akan digiatkan, usaha akan dibuat untuk mewujudkan satu perusahaan yang mampu menghasilkan berbagai peralatan/kemudahan sukan tradisional dan hasil seni reka Melayu yang bermutu tinggi.

Inilah antara matlamat utama pembentukan Majlis Seni Reka dan Sukan Tradisional, atau ringkasnya Massutra, yang akan dirasmikan Ahad depan.

Pada peringkat awal, bidang kegiatan Massutra akan lebih berpusat kepada bidang seni silat, gasing dan sepak-takraw.

Bagaimanapun, bila kedudukannya lebih mantap, bidang itu akan diluaskan untuk mencakupi lebih banyak seni reka dan sukan tradisional, misalnya jong, congkak, seni memahat dan sebagainya.

Malah, Massutra akan menjadi badan

pengiktiraf dan pengesah hasil seni reka Melayu tempatan. **PINCAK SILAT**

ia juga akan bertindak sebagai sebuah pertubuhan ilmiah dan pengendali pusat pengeluaran bahan-bahan seni reka.

Ini bermakna, tanda 'Massutra' akan terlekat pada hasil seni reka Melayu di sini dan akan berperanan seperti tanda 'Sisir' — penjamin ketinggian mutu barang.

-5 AUG 1984

Dipasarkan

Hakikat itu ternyata dari kandungan Perlembagaan Massutra yang telah digubal kira-kira enam bulan setelah pengumumannya awal Januari lalu.

Sebagai badan ilmiah juga, Massutra akan menganjurkan usaha melatih bakat baru dalam bidang pengeluaran seni reka dan kemudahan sukan tradisional Melayu kerana ia akan mengeluarkan, memaju dan memasarkan hasil seni reka sendiri.

Pengerusi Jawatankuasa Penaja Massutra, Haji Ya'acub Mohamed, memberitahu *Berita Minggu* bahawa Massutra akan cuba mendapatkan sebuah bengkel sebagai langkah permulaan untuk mencapai maksud besar itu.

Dalam satu temuramah khas, Haji Ya'acub yang telah dilantik sebagai Duta Besar Singapura ke Mesir, berkata:

"Di mana letaknya bengkel itu tidak penting. Di mana saja kita dapat buat, kita buat. Biarlah secara kecil-kecilan dulu untuk melatih orang-orang kita yang berbakat.

"Soalnya sekarang ialah untuk mencungkil, menghidupkan semula dan menyuburkan segala jenis sukan tradisional Melayu yang terdapat di Singapura."

Tetapi, kata beliau, buat masa ini usaha utamanya ialah menjalin rapat Massutra dengan tiga buah badan pengasas (sepaktakraw, gasing dan silat) dan kemudian barulah "adik-adik kandungannya" dapat dimajukan.

Haji Ya'acub juga berkali-kali menegaskan bahawa Massutra ditubuhkan

bukan dengan hasrat untuk bersaing dan kemudian menghapuskan kegiatan pertubuhan yang sudah ada.

"Massutra berjanji tidak akan menandingi badan-badan lain. Cuma kita mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh badan-badan tersebut," katanya lagi.

Dilancarkan

Dalam hubungan ini, beliau berkata Massutra akan menghubungi orang-orang yang mahir dalam bidang-bidang berkenaan untuk membantu mereka meneruskan kemahiran mereka dan mengembangkannya dengan melatih anak-anak muda.

Penubuhan Massutra akan dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Pertahanan merangkap Menteri Kedua Kesihatan, Enck Goh Chok Tong, pada Ahad depan di Auditorium Lembaga Perbekalan Awam (PUB).

• LIHAT MUKA 3